

**PENTING:**

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kebenaran Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan\*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

Akademi/Fakulti/Pusat	Canseleri
Jabatan	Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti dan TITAS (SKET)
Program	Kursus Universiti
Kod Kursus*	GXEX1412
Tajuk Kursus*	Asas Pembudayaan Keusahawanan
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Tiada
Masa Pembelajaran Pelajar* (SLT)	80 jam
Kredit*	2
Hasil Pembelajaran*	<p>Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. menerangkan konsep keusahawanan dan kepentingan bidang keusahawanan.</li> <li>2. menerangkan mengenai etika keusahawanan.</li> <li>3. menilai sifat keusahawanan dalam diri.</li> <li>4. mengaplikasi aspek kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan.</li> <li>5. menyediakan rancangan perniagaan.</li> </ol>
Kemahiran Boleh Pindah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemahiran pembentangan</li> <li>2. Kemahiran penulisan laporan</li> </ol>
Sinopsis Kandungan Kursus	<p>Kursus ini cuba menerapkan elemen asas pembudayaan keusahawanan kepada semua pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasar yang berpotensi. Antara topik yang akan diajar termasuklah konsep dan perkembangan keusahawanan, analisis kompetensi keusahawanan diri, etika keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan, peluang perniagaan, kemahiran memulakan perniagaan, merancang perniagaan dan kemahiran mengurus projek perniagaan. Di samping itu, pengalaman amali melalui kerja lapangan atau penglibatan langsung pelajar dalam pengendalian satu projek perniagaan secara individu/berkumpulan diharap dapat mencetus minat serta memberi latihan yang lebih bermakna dan berkesan kepada pelajar mengenai realiti dunia perniagaan sebenar.</p>

Kaedah Penyampaian (kuliah, tutorial, bengkel, dll)	Kuliah, Seminar dan Praktikum Keusahawanan
Kaedah Penilaian*  Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi  Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Penilaian Berterusan: 70% Seminar Keusahawanan     - 10% Rancangan Perniagaan     - 10% Praktikum Keusahawanan   - 30% Pembentangan Praktikum   - 20 % Peperiksaan Akhir: 30%  Pamer keputusan di papan kenyataan.  Sila rujuk buku Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2006 dan Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2006.